


KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

# SESI 1 :
# **LATAR BELAKANG KOPERASI**

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

Institut_koperasi_malaysia Inst_Koperasi www.ikkm.edu.my

DKN 2030 Dasar Keusahawanan Nasional "Negara Keusahawanan Unggul 2030"

Bersama Hentikan Wabak COVID-19


IKM @ Copyright 2021

# SKOP PEMBENTANGAN

**01** PENGERTIAN DAN KONSEP KERJASAMA

**02** DEFINISI, NILAI-NILAI DAN PRINSIP KOPERASI SERTA APLIKASI

**03** SEJARAH DAN PERKEMBANGAN GERAKAN KOPERASI ANTARABANGSA DAN MALAYSIA



**04** PERBANDINGAN KOPERASI DENGAN SYARIKAT SWASTA

**05** STATISTIK PERKEMBANGAN KOPERASI DI MALAYSIA

**06** KAWAL SELIA GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA

IKM @ Copyright 2021



# PENGERTIAN DAN KONSEP KERJASAMA

IKM @ Copyright 2021

# KERJASAMA

Berasal daripada perkataan Inggeris "CO-OPERATION" - (doing things together)

Kerjasama bermaksud "buat kerja sama-sama, tolong-menolong dan bantu-membantu"
(Kamus Dewan)

## KEPENTINGANNYA

1. Fitrah manusia : manusia perlu bekerjasama dalam kehidupan
2. Aktiviti bekerjasama menjadi ciri rakyat Malaysia
3. Peranan individu dalam komuniti
4. Selaras dengan ajaran agama



***"dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan permusuhan"***

*~ Surah Al-Maidah : Ayat 2 ~*



***"Dengan mengamalkan kerjasama, kerja yang berat menjadi ringan"***



***Penduduk kampung bergotong royong mengangkat rumah Wan Badrul Shah Wan Ismail yang beralih dari tempat asal ketika banjir luar biasa yang melanda di Kg Bukit Rangin, Kuantan***



# DEFINISI, NILAI-NILAI DAN PRINSIP KOPERASI SERTA APLIKASI

IKM @ Copyright 2021

# APAKAH ITU KOPERASI ?

"Sebuah pertubuhan berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan dan aspirasi bersama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya melalui satu badan yang dimiliki dan dikawal secara demokrasi."

PERNYATAAN IDENTITI KOPERASI
MANCHESTER 1995

# NILAI-NILAI ASAS KOPERASI ( Untuk Koperasi )

**01**

### MEMBANTU DIRI SENDIRI

Anggota-anggota menyumbang modal dan menjalankan urus niaga dengan koperasi mereka.

**02**

### BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP DIRI SENDIRI

Menghadiri mesyuarat terlibat secara aktif dalam proses membuat keputusan, patuh kepada koperasi (suara majoriti) dan kepentingan bersama.

**03**

### DEMOKRASI

Pemilihan dari semasa ke semasa, satu anggota satu undi bagi memutuskan sesuatu perkara yang memerlukan keputusan majoriti.

**04**

### KESAMARATAAN

Hak untuk mendapat maklumat, hak untuk didengar dan hak untuk mengambil bahagian dalam pembuatan keputusan di mesyuarat agung

**05**

### EKUITI

Dividen terhad terhadap modal saham yang disumbangkan, potongan langganan/rebate dikaitkan dengan urus niaga koperasi.

**06**

### PERPADUAN

Koperasi mengadakan aktiviti bermanfaat untuk semua, menubuhkan projek usahasama atau syarikat gabungan, menjalin kerjasama antara koperasi-koperasi




## KETERBUKAAN

Menerima pandangan serta penilaian orang lain

## AMANAH

Boleh dipercayai serta jujur dalam melaksanakan tanggungjawab

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Memberi komitmen atau penyertaan dalam komuniti yang bertujuan meningkatkan kesejahteraan masyarakat

## PRIHATIN TERHADAP ORANG LAIN

Menyokong pelbagai inisiatif yang berfaedah kepada masyarakat

IKM @ Copyright 2021

# PRINSIP-PRINSIP KOPERASI & APLIKASINYA

*Elemen terpenting kepada jati diri koperasi dan garis panduan kepada setiap anggota yang terlibat dalam gerakan ini.*

### 01 KEANGGOTAAN TERBUKA & SUKARELA

Keanggotaan terbuka kepada semua yang memerlukan dan boleh mendapatkan perkhidmatan. Anggota bebas berhenti pada bila-bila masa.

### 02 KAWALAN DEMOKRATIK ANGGOTA

Satu anggota satu undi. Semua anggota layak bertanding dalam pemilihan. Hak untuk hadir dan terlibat dalam mesyuarat.

### 03 PENYERTAAN EKONOMI ANGGOTA

Sumbangan modal saham. Pengembalian lebihan atas setiap transaksi. Penubuhan aset bersama.

### 04 AUTONOMI & KEBEBASAN

Taraf tertinggi bagi mesyuarat agung. Kawalan luaran tidak dibenarkan.

### 05 PENDIDIKAN, LATIHAN & MAKLUMAT

Penubuhan tabung pendidikan. Sumbangan bagi tabung pendidikan kepada kesatuan koperasi kebangsaan dan sebagainya serta hak terhadap rekod/maklumat.

### 06 KERJASAMA ANTARA KOPERASI

Integrasi menegak dengan persekutuan. Integrasi mendatar dengan koperasi-koperasi lain melalui usahasama, perkongsian dan sebagainya.

### 07 MENGAMBIL BERAT TERHADAP MASYARAKAT

Perbelanjaan untuk pemuliharaan alam sekitar, kemudahan asas dan sebagainya.

IKM @ Copyright 2021



# SEJARAH DAN PERKEMBANGAN GERAKAN KOPERASI ANTARABANGSA DAN MALAYSIA

IKM @ Copyright 2021

**SEJARAH & PERKEMBANGAN**

# GERAKAN KOPERASI ANTARABANGSA

**Gerakan koperasi bermula dan berkembang di atas kesedaran sekumpulan masyarakat yang terdiri daripada golongan yang dieksploitasi atau ditindas bagi membela nasib serta hak mereka dalam kehidupan.**




## REVOLUSI PERINDUSTRIAN

**1844**

- **Penghijrahan dari pertanian ke perindustrian di England**
- **Kapitalis - penindasan**
- **Masalah ekonomi – upah/ gaji murah**
- **Masalah sosial-keadaan tempat kerja / tempat tinggal**
- **Di Bandar Rochdale, England - wujudnya sekumpulan 28 penenun kain bermodalkan 28 pound membuka kedai runcit koperasi pertama di dunia**
- **Mereka dipanggil Pelopor Rochdale (*The Pioneer of Rochdale*) - komuniti yang telah menggariskan prinsip-prinsip koperasi yang diakui di seluruh dunia sehingga kini.**


IKM @ Copyright 2021

## EROPAH

- Perancis – didominasi koperasi pengguna
- Jerman – Raiffesen mempelopori koperasi kredit luar bandar
- Denmark - koperasi pertanian aktif

## AFRIKA

- Penjajah memperkenalkan koperasi kredit luar bandar

## ASIA

- India - banyak koperasi pertanian dan koperasi kredit luar bandar
- Jepun - banyak koperasi pengguna dan pertanian

# IKATAN KOPERASI ANTARABANGSA

**INTERNATIONAL COOPERATIVE ALLIANCE (ICA)**

- **ICA telah ditubuhkan pada 19 Ogos 1895 di London**
- **Peranan utama - badan kemuncak gerakan koperasi antarabangsa dan bertujuan memberi informasi mengenai koperasi, mempertahankan prinsip-prinsip koperasi dan membangunkan perhubungan kegiatan ekonomi koperasi-koperasi peringkat antarabangsa**
- **ANGKASA mewakili gerakan koperasi Malaysia dalam ICA**

# SEJARAH PEMBENTUKAN GERAKAN KOPERASI DI TANAH MELAYU

Diperkenalkan oleh pemerintah British di Tanah Melayu

Tujuan - menangani masalah keberhutangan dalam kalangan kakitangan kerajaan.

Koperasi pertama ditubuhkan menjalankan fungsi KREDIT

**TAHUN 1922**

menangani masalah ekonomi penduduk desa daripada penindasan akibat keberhutangan

Pejabat Pendaftar Koperasi pertama di Taiping, Perak - 1921

## KOPERASI PERTAMA

***The Federated Malay States Post and Telegraphs Co-operative Thrift & Loan Society, Limited*** **@ Syarikat Bekerjasama-sama Jimat Cermat Pinjaman Wang Pekerja- Pekerja Jabatan Pos dan Telegraf Bhd ditubuhkan pada 21 Julai 1922**

## KOPERASI PERTAMA LUAR BANDAR

**Syarikat Kampung Tebuk Haji Musa Bekerjasama-sama dengan Tanggungan Berhad, Parit Buntar Krian , Perak 03 Disember 1923**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

DKN 2030

# TransKoM

**PELAN TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA**

**2021-2025**



# EVOLUSI PEMBANGUNAN KOPERASI

## 1 PEMBANGUNAN KOPERASI ERA SELEPAS MERDEKA

*1960an– 1970an*

- Program Penggabungan & Rasionalisasi
- Program Pembangunan Luar Bandar

## 2 PEMBANGUNAN KOPERASI ERA 1980-an

Program Pembasmian Kemiskinan secara dinamik dan efektif

## 3 PEMBANGUNAN KOPERASI ERA 1990-an

Galakan penubuhan

- Koperasi bandar
- Koperasi luar bandar
- Koperasi di bawah agensi Kerajaan



IKM @ Copyright 2021

# DASAR KOPERASI SEDIA ADA



**TERAS STRATEGIK 3 DKN 2030 :**
**MERANGSANG PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN BERSEPADU DAN HOLISTIK**

Strategi C2: Koperasi sebagai pemacu kepada pembangunan sosioekonomi yang inklusif



DKN 2030
Dasar Keusahawanan Nasional
"Negara Keusahawanan Unggul 2030"

*Sektor koperasi penyumbang berkesan kepada pembangunan negara*



**DASAR KOPERASI NEGARA 2011-2020**

*Sektor koperasi diiktiraf sebagai pemangkin bersama sektor awam dan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara*



**DASAR KOPERASI NEGARA 2002 - 2010**



# PERBANDINGAN KOPERASI DENGAN SYARIKAT SWASTA

IKM @ Copyright 2021

# PERBANDINGAN

| KOPERASI | | SYARIKAT SWASTA |
|---|---|---|
| Perkhidmatan (Ekonomi, Sosial & Budaya) | TUJUAN | Faedah Ekonomi |
| Anggota | MODAL disumbangkan oleh | Pelabur / Lembaga Pengarah |
| Lembaga dengan mandat MAT | DASAR ditentukan oleh | Lembaga Pengarah |
| Undian Majoriti ( 1 Anggota, 1 Undi ) | KAWALAN | Undi Utama Oleh Pemegang Saham Majoriti |
| Anggota dan Komuniti | PULANGAN KEUNTUNGAN | Pemegang Saham |
| Memenuhi Keperluan Sosioekonomi | MOTIVASI | Berorientasikan Keuntungan |



# STATISTIK PERKEMBANGAN KOPERASI DI MALAYSIA

# RINGKASAN PERANGKAAN AM KOPERASI MENGIKUT NEGERI (JUN 2020)

## *SUMMARY STATISTICS OF CO-OPERATIVES BY STATES (JUN 2020)*

| NO. *NO.* | NEGERI *STATES* | BIL. KOPERASI *NUMBER OF CO-OPERATIVES* | KEANGGOTAAN *MEMBERSHIPS* | SYER/YURAN *SHARES/ SUBSCRIPTIONS* *RMJUTA/ BILLION* | ASET *ASSETS* *RMJUTA/ BILLION* | PEROLEHAN *TURNOVER* *RMJUTA/ BILLION* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Johor | 1,447 | 414,879 | 287.23 | 1,304.16 | 568.55 |
| 2 | Kedah | 1,011 | 241,701 | 367.34 | 730.49 | 162.09 |
| 3 | Kelantan | 916 | 280,851 | 364.97 | 3,850.38 | 922.33 |
| 4 | Melaka | 467 | 145,969 | 107.19 | 525.39 | 54.77 |
| 5 | Negeri Sembilan | 767 | 166,457 | 119.80 | 368.06 | 87.73 |
| 6 | Pahang | 1,156 | 251,755 | 305.03 | 1,436.16 | 305.10 |
| 7 | Perak | 1,651 | 311,418 | 555.60 | 1,084.16 | 284.75 |
| 8 | Perlis | 214 | 53,478 | 70.11 | 135.29 | 34.94 |
| 9 | Pulau Pinang | 747 | 130,472 | 280.66 | 857.33 | 225.76 |
| 10 | Sabah | 1,620 | 276,967 | 203.44 | 852.39 | 171.53 |
| 11 | Sarawak | 1,089 | 265,517 | 197.28 | 583.95 | 99.78 |
| 12 | Selangor | 1,750 | 546,339 | 688.26 | 1,850.64 | 262.87 |
| 13 | Terengganu | 756 | 228,364 | 256.37 | 642.54 | 417.71 |
| 14 | Wilayah Persekutuan | 1,074 | 1,803,296 | 4,901.89 | 13,121.74 | 4,756.52 |
| 15 | Ibu Pejabat | 3 | 984,253 | 3,943.71 | 114,364.65 | 12,846.27 |
| | **JUMLAH / *TOTAL*** | **14,668** | **6,101,716** | **12,648.87** | **141,707.33** | **21,200.70** |

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

IKM @ Copyright 2021

*Sumber :Perangkaan Koperasi Interim 2020 - www.skm.gov.my*

# RINGKASAN PERANGKAAN AM KOPERASI MENGIKUT FUNGSI (JUN 2020)

## *SUMMARY STATISTICS OF CO-OPERATIVES BY FUNCTIONS (JUN 2020)*

| NO. *NO.* | NEGERI *STATES* | BIL. KOPERASI *NUMBER OF CO-OPERATIVES* | KEANGGOTAAN *MEMBERSHIPS* | SYER/YURAN *SHARES/ SUBSCRIPTIONS* *RMJUTA/ BILLION* | ASET *ASSETS* *RMJUTA/ BILLION* | PEROLEHAN *TURNOVER* *RMJUTA/ BILLION* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Perbankan / *Banking* | 2 | 973,897 | 3,943.71 | 114,122.33 | 12,800.56 |
| 2 | Kredit / *Credit* | 575 | 1,134,916 | 6,547.22 | 16,607.27 | 5,524.84 |
| 3 | Pertanian / *Agricultural** | 3,254 | 519,924 | 732.16 | 3,871.00 | 680.13 |
| 4 | Perumahan / *Housing* | 313 | 129,864 | 198.33 | 1,017.71 | 130.83 |
| 5 | Perindustrian / *Industrial* | 363 | 16,596 | 17.54 | 83.66 | 19.72 |
| 6 | Pengguna / *Consumer** | 5,484 | 2,063,328 | 441.24 | 1,730.97 | 877.60 |
| 7 | Pembinaan / *Construction* | 259 | 82,334 | 37.61 | 169.17 | 32.54 |
| 8 | Pengangkutan / *Transportation* | 487 | 115,741 | 79.61 | 346.67 | 406.04 |
| 9 | Perkhidmatan / *Services** | 3,931 | 1,065,116 | 651.45 | 3,758.56 | 728.44 |
| | **JUMLAH / *TOTAL*** | **14,668** | **6,101,716** | **12,648.87** | **141,707.33** | **21,200.70** |

*Sumber :Perangkaan Koperasi Interim 2020 - www.skm.gov.my*


IKM @ Copyright 2021

# RINGKASAN PERANGKAAN AM KOPERASI MENGIKUT KLUSTER (JUN 2020)

## *SUMMARY STATISTICS OF CO-OPERATIVES BY CLUSTERS (JUN 2020)*

| **NO.** *NO.* | **KLUSTER** *CLUSTERS* | **BIL. KOPERASI** *NUMBER OF CO-OPERATIVES* | **KEANGGOTAAN** *MEMBERSHIPS* | **SYER/YURAN** *SHARES/ SUBSCRIPTIONS* | **ASET** *ASSETS* | **PEROLEHAN** *TURNOVER* |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | ***RMJUTA/ BILLION*** | | |
| **1** | Besar / *Large* | 171 | 2,440,623 | 10,197.54 | 134,650.18 | 19,710.92 |
| **2** | Sederhana / *Medium* | 363 | 492,935 | 1,359.88 | 3,434.51 | 768.52 |
| **3** | Kecil / *Small* | 1,096 | 824,563 | 675.75 | 2,073.39 | 448.98 |
| **4** | Mikro / *Micro* | 13,038 | 2,343,595 | 415.69 | 1,549.25 | 272.29 |
| **JUMLAH / *TOTAL*** | | **14,668** | **6,101,716** | **12,648.87** | **141,707.33** | **21,200.70** |

| | | |
|---|---|---|
| KOPERASI BESAR | – | RM5 JUTA DAN KE ATAS |
| KOPERASI SEDERHANA | – | ANTARA RM1 JUTA – RM5 JUTA |
| KOPERASI KECIL | – | ANTARA RM200,000 – RM1 JUTA |
| KOPERASI MIKRO | – | RM200,000 KE BAWAH |


IKM @ Copyright 2021
*Sumber :Perangkaan Koperasi Interim 2020 - www.skm.gov.my*



# KAWAL SELIA GERAKAN KOPERASI DI MALAYSIA

# KEMENTERIAN & AGENSI-AGENSI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

## - MEDAC -

### IKM — Institut Koperasi Malaysia

*Fungsi Utama:*

- *Latihan*
- *Penerbitan*
- *Penyelidikan*
- *Khidmat Nasihat / Bimbingan*

### SKM — Suruhanjaya Koperasi Malaysia

*Fungsi Utama:*

- *Pendaftaran Koperasi*
- *Penguatkuasaan Undang-undang*
- *Penyeliaan Koperasi*

### BANK RAKYAT — Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad

*3 Akta :*

- *Akta Koperasi 1993*
- *Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd (Peruntukan Khas) 1978*
- *Akta DFIA 2002 (Development Financial Institution Act)*

https://www.medac.gov.my/ https://www.ikkm.edu.my/ https://www.skm.gov.my/ https://www.irakyat.com.my/

# Terima kasih

SCAN ME



**Tel : 03-7964 9000**
**Faks : 03-7954 3957**
**tengah@ikkm.edu.my**